

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana bahasa mempengaruhi pencapaian matematik pelajar-pelajar Tingkatan Empat di salah sebuah sekolah menengah persendirian Cina di Kuala Lumpur, Malaysia. Di samping ini, kajian ini juga mengkaji kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa menyelesaikan soalan-soalan matematik berbentuk perkataan.

Subjek kajian terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah persendirian Cina di Kuala Lumpur. Kajian yang dijalankan adalah tergolong dalam jenis ujian kertas-pensel dan temu bual.

Sebelum kajian dijalankan, pelajar-pelajar telah mengikuti Peperiksaan Akhir Tahun (1999) pada bulan Oktober, dimana kertas ujian matematik adalah dalam Bahasa Cina. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar diberi ujian matematik dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi 10 soalan. Kebanyakan soalan adalah terdiri daripada soalan berbentuk perkataan. Masa yang diberi ialah 40 minit.

Selepas kertas ujian subjek disemak dan dianalisis, tiga subjek dipilih untuk ditemu bual. Temu bual ini bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang bagaimana perubahan bahasa (dari Bahasa Cina kepada Bahasa Malaysia) dalam

ujian matematik mempengaruhi pelajar-pelajar Tingkatan Empat dalam menyelesaikan soalan-soalan ujian tersebut.

Keputusan kajian ini menunjukkan perubahan bahasa dalam ujian matematik telah menyebabkan pencapaian matematik subjek merosot. Selain daripada itu, data-data daripada temu bual tiga subjek menunjukkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam membentuk soalan-soalan ujian telah menyulitkan mereka semasa menjawab soalan-soalan yang berbentuk perkataan.

Dapatan kajian ini dapat membantu guru-guru matematik untuk memahami bagaimana kesulitan bahasa menyebabkan pencapaian matematik pelajar-pelajar rendah. Dengan itu, semoga langkah ini dapat mempertingkatkan pencapaian matematik di kalangan pelajar-pelajar.

THE INFLUENCE OF LANGUAGE IN MATHEMATICS
ACHIEVEMENT IN A CHINESE INDEPENDENT SCHOOL

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the influence of language in mathematics achievement of Form Four students, and their difficulties in solving mathematics word problems in Bahasa Malaysia version.

40 Form Four students from one of the Chinese Independent High School in Kuala Lumpur, who speak Bahasa Malaysia as a second language were asked to solve 10 mathematics word problems in Bahasa Malaysia version in 40 minutes. Before that, they were asked to solve 10 mathematics word problems in Bahasa Cina version during their Final Year Examination (1999). After that, 3 samples were interviewed. The interviews conducted to find out what kind of difficulties students faced while solving the mathematics word problems in Bahasa Malaysia version.

The result revealed that Form Four students performed poorly in solving mathematics word problem in Bahasa Malaysia version. Also, in solving mathematics word problems in Bahasa Malaysia version, the difficulties are linguistic in nature. Students unsuccessful in solving mathematics word problems because of the potential lack of knowledge of Bahasa Malaysia.

The result of this study will provide insights for understanding the language related difficulties faced by the Form Four students when solving mathematics word problem in their second language. Accordingly, it is recommended that teachers need to be more careful in teaching and assessing mathematics word problems since these Independent High School students could not understand word problems because of their lack of knowledge of Bahasa Malaysia.